

MED4IRN bangun Pelan Hala Tuju Robotik Negara

Langkah tingkat produktiviti, kurangkan kebergantungan buruh asing

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Mesyuarat Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat Negara (MED4IRN) memutuskan untuk membangunkan Pelan Hala Tuju Robotik Negara (NRR) dalam mengarusperdanakan penggunaan teknologi robotik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pelan itu mampu meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh asing, seterusnya meminimumkan pengaliran mata

wang ke luar negara.

"Kepadatan robot di Malaysia bagi setiap 10,000 pekerja pada 2019 adalah 55 unit dan sasarannya adalah 195 unit bagi setiap 10,000 pekerja pada 2030," katanya dalam kenyataan selepas mempengerusikan mesyuarat pertama MED4IRN bagi 2022, semalam.

Turut hadir pada mesyuarat yang diadakan dalam talian itu adalah menteri, ketua jabatan dan agensi yang berkaitan.

Ismail Sabri berkata, mesyuarat MED4IRN turut memutuskan untuk menyokong konsep projek pemangkin bagi memacu Aspirasi MyDIGITAL.

"Mesyuarat bersetuju membuhkan Pasukan Tugas Projek Pemangkin MyDIGITAL, untuk memilih projek sesuai dan memantau pelaksanaan yang juga kerjasama antara sektor awam dan swasta.

"Projek pemangkin akan dibiahyai sektor swasta dan kerajaan akan memainkan peranan sebagai pemudah cara.

"Antara contoh projek pemangkin adalah pertama, perubahan pintar menyasarkan penubuhan hospital yang menggunakan teknologi 5G bagi meningkatkan taraf penjagaan kesihatan rakyat.

"Kedua, projek bandar pintar, menyasarkan pelbagai kes kegunaan berguna bagi memastikan kelestarian kehidupan yang lebih bermakna," katanya.

Ismail Sabri berkata, mesyuarat turut sedar mengenai kemajuan dan pencapaian beberapa inisiatif dijalankan sebelum ini.

Katanya, melalui Pelan Jalanan Digital Negara (JEN-DELA), 1.89 juta premis baharu yang diliputi dengan capaian gantian optik dan 1,189 menara 4G baharu telah dibina dari September 2020 hingga Disember 2021.

Jelasnya, di bawah fasa 1, sebanyak 6.85 juta premis diliputi

capaian gantian optik dan 4G di kawasan berpenduduk mencatatkan 95 peratus setakat 31 Disember 2021.

Digital Nasional Berhad (DNB) juga memulakan akses kepada rangkaian borong 5G dengan 500 tapak 5G telah diakrifkan setakat 31 Disember 2021 di Wilayah Persekutuan, Putrajaya, Cyberjaya dan Kuala Lumpur.

DNB menyasarkan 3,500 tapak (bersamaan 36 peratus berpenduduk) pada penghujung tahun 2022.

"Melalui program Pemerkasaan Pendigitalan Usahawan Kecil (PUPUK), 883 Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi) sedang beroperasi, manakala 28 lagi akan beroperasi menjelang 31 Mac 2022 di seluruh Malaysia.

"Inisiatif ini menyediakan akses internet kolektif serta prog-

ram keusahawanan kepada masyarakat setempat," katanya.

Tambah Ismail Sabri, keberhasilan MyDIGITAL akan menjadi penentu kejayaan pendigitalan Keluarga Malaysia seperti dirapikan menjelang 2030.

"Tanggal 19 Februari 2022 adalah ulang tahun pertama pelancaran Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (RTEDM) serta pengenalan MyDIGITAL sebagai satu inisiatif kerajaan untuk mentransformasi Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi serta peneraju serantau dalam ekonomi digital.

"Beberapa program telah dan akan dilaksanakan sepanjang Februari dan Mac seperti Technopreneur Industry Dialogue, beberapa siri dialog anjuran World Bank dan MyDIGITAL Corporation, Program Transformasi Digital Pasar Siti Khadijah di Kota Baru, Kelantan, sesi perbincangan meja bulat mengenai Islamic Digital Technology, dan Program Celik Digital Penjawat Awam," katanya.



Ismail Sabri Yaakob

'195 robot setiap 10,000 pekerja,

NRR usaha perka-
teknologi robotik
negara menjelang
tahun 2030

Oleh NURHIDAYAH HAIROM

PUTRAJAYA

Kerajaan akan mem-
bangunkan Pelan
Hala Tuju Robotik
Negara (NRR) de-
ngan menyasarkan 195 unit ro-
bot bagi setiap 10,000 pekerja
di Malaysia pada tahun 2030.

Perdana Menteri, Datuk Seri
Ismail Sabri Yaakob berkata,
inisiatif itu merupakan salah satu
agenda yang dipersetujui ber-
sama dalam mesyuarat Majlis
Ekonomi Digital dan Revolusi
Perindustrian Keempat Negara
(MED4IRN) pada Khamis.

Menurutnya, NRR berfungsi
ke arah mengarusperdanakan
penggunaan teknologi robotik di
negara ini.

"Pelan ini mampu me-
ningkatkan produktiviti dan me-

ngurangkan ke-
bergantungan kepada
tenaga buruh asing
seterusnya me-
mimumumkan pengalir-
an mata wang ke luar
negara.

"Kepadatan robot
di Malaysia bagi setiap
10,000 pekerja pada
tahun 2019 adalah 55
unit dan sasarannya
adalah 195 unit bagi
setiap 10,000 pekerja pada tahun
2030," katanya dalam satu
kenyataan pada Khamis.

Beliau sebelum itu mem-
pergerusikan MED4IRN perta-
ma bagi tahun 2022 yang turut
dihadiri oleh Menteri-Menteri
serta Ketua Jabatan dan Agensi
yang terlibat secara dalam talian.
Ismail Sabri berkata, me-
syuarat sama juga memutuskan
untuk menyokong konsep Projek
Pemangkin bagi memacu
Aspirasi MyDIGITAL.

Kata Perdana Menteri, me-
syuarat bersetuju menubuhkan
Pasukan Petugas Projek
Pemangkin MyDIGITAL untuk
memilih projek yang sesuai dan
memantau pelaksanaan yang me-

rupakan kerjasama
antara sektor awam
dan swasta.

"Projek Pe-
mangkin akan di-
biayai sektor swas-
ta dan kerajaan
bakal memainkan
peranan sebagai
pemudahcara.

"Antara contoh
projek pemangkin
adalah perubatan
pintar menyasarkan penubuhan
hospital menggunakan teknologi
5G bagi meningkatkan taraf pen-
jagaan kesihatan rakyat.

"Selain itu, projek Bandar
Pintar menyasarkan pelbagai kes
kegunaan (*use cases*) berguna
bagi memastikan kelestarian ke-
hidupan lebih bermakna," kata-
nya.

Jelas Ismail Sabri, melalui
Pelan Jalanan Digital Negara
(Jendela), sebanyak 1.89 juta
premis baharu yang diliputi de-
ngan capaian gentian optik dan
sebanyak 1,189 menara 4G baha-
ru telah dibina dari September
2020 sehingga Disember 2021.

"Di bawah Fasa 1, sebanyak
6.85 juta premis diliputi dengan



ISMAIL SABRI



NRR mampu meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh kelak.

capaian gentian optik dan liputan
4G di kawasan berpenduduk
mencatatkan 95 peratus setakat
31 Disember 2021.

"Digital Nasional Berhad
(DNB) juga memulakan akses
kepada rangkaian borong 5G di
mana sebanyak 500 tapak telah
diaktifkan setakat 31 Disember
2021 di Wilayah Persekutuan
Putrajaya, Cyberjaya dan Wilayah
Persekutuan Kuala Lumpur.

"DNB juga menyasarkan

3,500 tapak (bersamaan 36 pe-
ratus liputan di kawasan ber-
penduduk) pada penghujung
tahun 2022," katanya.

Menurut beliau lagi, melalui
program Pemerksaan
Pendigitalan Usahawan Kecil
(PUPUK) pula, sebanyak 883
Pusat Ekonomi Digital Keluarga
Malaysia (PEDi) sedang ber-
operasi, manakala 28 lagi akan
beroperasi menjelang 31 Mac
nanti di seluruh Malaysia.

NST 18/2/2022 (FRIDAY) Pt: 12

Special compound rates until June 30

KUALA LUMPUR: Kuala Lumpur City Hall is offering traffic offenders special compound rates from Wednesday until June 30, in conjunction with the Federal Territories Day and Golden Jubilee of Kuala Lumpur City. In a statement, City Hall said the special rates covered unpaid traffic compounds and scheduled rates for offences based on the general offence compound notices. However, this initiative did not apply to blacklisted offenders and general offences that are not in the scheduled rates. The public can take advantage of the special rates by checking and paying through all City Hall payment counters, as well as Pos Malaysia counters nationwide. Checks and payments can also be made online via the MOBIS-DBKL application or JomPAY. **Bernamea**